1. Jika dijadikan <i>online</i>, perlu melihat kepada kemudahan internet yang ada pada sekolah tersebut. Komputer dengan capaian internet mesti ada pada kelas pendidikan khas dan juga dalam bilik guru. Kemudahan internet di sekolah ada tetapi hanya di makmal komputer. Kebaikan dijadikan <i>online</i>, Guru Penyelaras tidak perlu menyerahkan ISD secara manual kepada Guru Penilai untuk proses penyaringan. Kadang-kadang ambil masa untuk Guru Penilai memulangkan kembali ISD selepas ditanda. Mungkin dengan adanya <i>online</i>, jika Guru Penilai mampu siapkan satu ISD, Guru Penyelaras boleh terus semak untuk seorang murid dahulu. Tidak perlu untuk tunggu keseluruhan disiapkan. Tetapi untuk pengesahan mesti manual yang mana murid mesti berada di hadapan Guru Penyelaras.	Setuju bagi sekolah yang baru ada program pendidikan khas spesifik disleksia. Mungkin agak senang tapi perlu dilihat dahulu macam mana sistem tersebut akan dibangunkan.	Jika <i>online</i> mungkin lebih baik sebab boleh melibatkan pihak hospital atau doktor itu sendiri. Bagus kalau ada <i>online</i>, sebab tidak mengganggu prosedur yang betul. Mungkin dapat beroperasi dengan lebih baik. Jika diikutkan pada perkembangan sekarang, memang sesuai. Ia akan jadi lebih senang, di mana sahaja boleh dijalankan.
2. Mungkin patut dijadikan <i>web</i> disebabkan di Malaysia tidak ada satu laman web khusus untuk disleksia tetapi jika dilakukan carian berkaitan disleksia menerusi <i>Yahoo</i> atau <i>Google</i>, kebanyakannya di Indonesia. <i>Website</i> disleksia untuk di Malaysia memang tiada kecuali daripada NGO. Maklumat disleksia jika ada hanya di laman <i>web</i> kementerian tetapi tidak terperinci yang	Mungkin pada sistem atas talian yang akan dibangunkan nanti, di samping prosedur penyaringan disleksia, juga boleh ditambah contoh kesalahan murid seperti dalam buku penulisan murid tu. Informasi berkaitan disleksia juga perlu diperbanyakkan agar masyarakat faham apa itu disleksia. Baik bagi yang menggunakan ISD ataupun	Tidak dapat digambarkan lagi sistem yang akan dibangunkan nanti macam mana. Tetapi diharapkan agar tidak lari dari ciri-ciri asal.

(Bersambung)

Jadual 1.2 (Sambungan)

Sasaran Kajian A	Sasaran Kajian B	Sasaran Kajian C
mana ia hanya menyenaraikan garis panduan, pelaksanaan dan juga nama-nama sekolah.	orang awam. Disleksia bukan hanya tulis terbalik. Ramai yang beranggapan disleksia hanya yang tulis terbalik Banyak lagi ciri lain umpamanya kesilapan ejaan, percampuran huruf dan banyak lagi. Di harapkan nanti dengan adanya <i>online</i> sudah tidak timbul banyak masalah.	

1.4 Pernyataan Masalah

Di Malaysia, disleksia diperkenalkan kepada khalayak ramai buat pertama kalinya pada tahun 1993 melalui Seminar Kebangsaan Pengenalan Kepada Disleksia yang dianjurkan oleh Rotary Club Gombak (Zahrah, 2007), namun isu disleksia ini masih lagi asing di kalangan masyarakat terutamanya di luar bandar. Sumber maklumat berkenaan disleksia baik dari sumber elektronik mahu pun bercetak masih lagi kurang. Menurut Zahrah lagi terdapat banyak buku serta bahan rujukan internet yang ditulis berkaitan pelbagai aspek disleksia dalam bahasa Inggeris. Namun rujukan dan panduan mengenai disleksia dalam bahasa Melayu masih lagi kurang. Ini merupakan faktor mengapa ramai yang masih belum mendengar atau mengetahui tentang disleksia atau pun PKD yang dijalankan di beberapa sekolah yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Begitu juga, ramai yang masih tidak mengetahui adanya satu instrumen yang boleh digunakan untuk menyaring murid berkemungkinan mengalami kebarangkalian disleksia. Kekurangan kesedaran berkaitan isu ini di kalangan masyarakat menyebabkan kanak-kanak yang menghadapi masalah disleksia ini



membawa ciri-ciri disleksia sehingga dewasa. Jika tidak dipulihkan, menurut Shaywitz et al. (1990), disleksia akan dibawa sepanjang hidup dan 70 peratus individu kekal disleksik sehingga peringkat dewasa.

Menurut Laudon dan Laudon (2003), sistem maklumat boleh ditakrifkan sebagai satu set komponen yang mengumpul, memproses, menyimpan dan mengagih maklumat bagi menyokong kawalan dan membuat keputusan dalam sesebuah organisasi. Maklumat yang disimpan secara teratur dan bersistematik membolehkan maklumat dicapai dengan mudah. Sehingga kini, tiada pangkalan data setempat khusus yang membolehkan para GPD melihat statistik keseluruhan murid mengalami disleksia. Dalam hal ini, GPD terpaksa berkomunikasi secara manual sesama penyelaras disleksia daripada sekolah-sekolah lain. Laman JPK hanya memaparkan senarai sekolah yang mempunyai program pendidikan khas sahaja. Ia tidak memaparkan statistik keseluruhan murid yang mengalami disleksia di seluruh Malaysia dan informasi berkenaan ISD juga adalah terhad. Justeru itu, satu pangkalan data untuk memanipulasi dan menyelenggara data penyaringan murid disleksia diperlukan bagi membolehkan rekod disimpan, diproses dan dimanipulasi untuk menghasilkan maklumat serta statistik.

Setiap murid yang dikenalpasti sebagai disleksia akan dikhususkan pada satu ISD. Pihak-pihak yang terlibat perlu membawa kesemua instrumen berkenaan untuk dihantar kepada pihak yang seterusnya sebagaimana perjalanan pengoperasian ISD pada Rajah 1.1 . Ini menimbulkan kesukaran kepada pihak berkenaan kerana perlu membawa ISD tersebut secara fizikal dalam jumlah yang banyak. Tambahan pula mereka juga perlu membawa buku-buku tulisan murid dan bahan bukti bertulis yang





dihasilkan oleh murid. Ini bertepatan sebagaimana hasil kajian oleh Fawcett, Singleton dan Peer (1998) dalam artikel *"Advances in Early Years Screening for Dyslexia in the United Kingdom"* yang menyatakan, *"it could be said that screening tests have provided teachers with the tools necessary to undertake the assessment they are now routinely expected to deliver"*.

Kebarangkalian ISD tersebut hilang atau mengalami kerosakan pada helaian juga mungkin berlaku. eISD yang dibangunkan dibina berdasarkan pangkalan data dan ini dapat merendahkan risiko seperti kehilangan, kesilapan penyimpanan lokasi ISD dan kesilapan pengiraan skor. Selain itu, GPD dan GP yang bertindak untuk mengira skor pemarkahan juga terpaksa mengira secara manual markah yang diperolehi oleh murid. Kesilapan dalam pengiraan mungkin berlaku dan ini akan memberi kesan kepada keseluruhan penskoran. Isu ini penting diambil perhatian kerana seperti yang dilaporkan oleh Laporan Statistik Mingguan dan Laporan Komposit Mingguan (2009). Kesilapan dalam merekod dan melakukan pengiraan ini membawa kepada ketidakselarasan Laporan Statistik Mingguan dan Laporan Komposit Mingguan yang mana ia berpunca daripada kesilapan pengiraan laporan komposit secara manual. Masalah ini dapat diatasi dengan penjaan pengiraan oleh sistem eMP yang dibangunkan untuk Mahkamah Perusahaan Malaysia.

Justeru, dapat dirumuskan lima pernyataan masalah yang mana membawa kepada kajian ini dijalankan sekaligus penghasilan eISD.

- (i) Tiada pangkalan data setempat khusus berkenaan maklumat murid yang mengalami disleksia di Malaysia





- (ii) ISD manual yang dihimpunkan serta lambat dioperasikan oleh satu pihak akan membawa kepada pembaziran masa oleh pihak yang seterusnya.
- (iii) Kebarangkalian berlakunya kehilangan ISD manual atau ianya mengalami kerosakan pada sesetengah helaian.
- (iv) Kesilapan pengiraan skor elemen pada ISD jika dilakukan secara manual.
- (v) Kekurangan sumber maklumat berkaitan disleksia dalam bahasa Melayu di Malaysia.

1.5 Objektif Kajian



Objektif kajian yang telah dikenalpasti adalah sebagaimana berikut:

- (i) Membangunkan Instrumen Senarai Semak (ISD) ke dalam bentuk atas talian, dikenali sebagai eISD
- (ii) Menilai aspek kepenggunaan eISD melalui atribut; (a) keberkesanan (*effectiveness*) dan (b) kemudahgunaan (*ease of use*)

1.6 Persoalan Kajian

Berpandukan pernyataan masalah yang telah dikemukakan di atas, persoalan kajian yang dibina adalah sebagaimana berikut:



- (i) Adakah eISD memenuhi aspek kepenggunaan melalui atribut; (a) keberkesanan (*effectiveness*), dan (b) kemudahan (*ease of use*)?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian Musa (2002) merumuskan bahawa hasil kajian yang dijalankan terhadap 153 orang murid pemulihan di Zon Pudu Wilayah Persekutuan mendapati 36.3% daripadanya mempunyai masalah disleksia pada tahap yang serius. Sementara individu murid yang mengalami masalah disleksia pada tahap yang sederhana dan ringan pula adalah 30.2% dan 33.5%. Sebagaimana anggaran hasil dapatan kajian Sofiah (2000) pula, hampir semua sekolah dalam negara ini mempunyai murid bermasalah disleksia. Ini bertepatan dengan kenyataan Pollock dan Waller (1994) yang menegaskan bahawa semua sekolah mempunyai kanak-kanak yang mengalami masalah disleksia, cuma tahap masalah yang dialami oleh mereka adalah berbeza-beza iaitu sama ada ringan, sederhana atau berat. Justeru, kepentingan dalam melakukan diagnosis dan penilaian awal untuk mengesan murid mengalami disleksia adalah perlu dititikberatkan.

Kaedah penyaringan yang sistematik dan efektif mampu mempermudah proses penyaringan ini. Ini bertepatan dengan pernyataan oleh Hammond dan Hughes (1990) yang menyatakan bahawa jika pengenalpastian dan intervensi yang bersesuaian dilaksanakan seawal mungkin, tempoh yang diperlukan untuk mengurangkan kesan negatif disleksia mungkin menjadi singkat dan lebih mudah. Pernyataan Hammond dan Hughes ini turut disokong oleh Lyon, 1996; IDA, 2003a; NICHD, 2000 dalam



Wadlington dan Wadlington (2005), *"Children with dyslexia who receive appropriate educational intervention in the earliest grades will have fewer reading problems than children who are not helped until third grade or later"*.

Kepentingan penyaringan yang berkesan penting bagi mengenalpasti kelemahan dan kekuatan murid di peringkat awal, agar intervensi awal yang sesuai boleh diaplikasikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Ini bertepatan dengan satu petikan daripada laman web *Dyslexia Action* yang menyatakan bahawa, *"Screening can tell the individual whether a further assessment might be necessary and can provide useful information about an individual's strengths and weaknesses regardless of whether or not he is dyslexic."*



Kajian ini menyumbang kepada penghasilan sebuah sistem aplikasi penyaringan disleksia berasaskan web yang boleh digunakan oleh KPM amnya dan JPK khususnya. eISD yang dibangunkan ini adalah untuk kegunaan GP, GPD dan GB sekolah. Kajian tentang pelajar disleksia masih lagi kurang dijalankan Malaysia. Kajian Nor Hasbiah (2007) memfokus kepada perisian pembelajaran matematik untuk pelajar disleksia. Laman web khusus dalam bahasa Melayu tentang disleksia belum wujud lagi sehingga kini. Informasi tentang disleksia dalam bahasa Melayu masih kurang. Pandangan daripada Zahrah (2007) turut menyokong pernyataan ini iaitu, terdapat banyak buku serta bahan rujukan internet yang ditulis berkaitan pelbagai aspek disleksia dalam bahasa Inggeris. Namun rujukan dan panduan mengenai disleksia dalam bahasa Melayu masih lagi kurang. eISD yang dibangunkan merupakan satu alat yang boleh digunakan sebagai platform untuk menyaring pelajar disleksia di sekolah. Ia juga merupakan sumber informasi tentang disleksia dalam





bahasa Melayu. Maka, eISD penting kepada semua guru yang terlibat dalam proses penyaringan pelajar disleksia serta ibu bapa dan masyarakat yang ingin mengetahui tentang disleksia.

Pengaplikasian Sistem Sokongan Keputusan (*Decision Support System, DSS*) di dalam eISD pada komponen senarai semak memudahkan proses penyaringan oleh GP. Ini kerana jumlah nilai penskoran bagi setiap elemen akan dikira melalui kod aturcara. Mekanisma aturcara pengiraan automatik melalui janaan komputer dapat menghasilkan *output* yang boleh diperakui dari aspek kebolehpercayaannya. Justeru, guru tidak perlu lagi mengira skor pemarkahan untuk penentuan kebarangkalian murid disleksia secara manual. Malahan ini dapat mengurangkan potensi kesilapan dalam proses pengiraan nilai penskoran jika dibandingkan dengan pengiraan yang dilakukan sebelum ini. Nilai skor akhir yang akan disemak dan dirumus oleh GPD pada setiap elemen akan diinterpretasikan melalui nilai skor '0' dan '1'. Jadual nilaian skor kebarangkalian disleksia ini akan diperincikan pada Bab 2. Dengan ini, masa bagi proses penjumlahan skor pemarkahan dapat dijimatkan dan proses pengoperasian selanjutnya dapat dipercepatkan.

Rahmad dan Mohd Subhi (2001) menyatakan aplikasi dan implimentasi teknologi maklumat dan komunikasi (*Information, Communication and Technology, ICT*) di sekolah merangsang kepada tindak balas atau perubahan kepada masyarakat. Ini disokong oleh Ahmad Hanizar (2007) yang menyatakan ICT berperanan untuk meningkatkan lagi kualiti hidup manusia. Pengaplikasian ICT mempercepatkan penyebaran maklumat sama ada daripada pelajar kepada guru, guru kepada sekolah, sekolah kepada pelajar, sekolah kepada ibu bapa dan seterusnya. Maka, pembangunan



eISD memudahkan proses saringan kebarangkalian murid mengalami disleksia. Ini kerana dalam pengoperasian ISD, ia melibatkan banyak pihak untuk proses semakan dan pengesahan. GPD bertanggungjawab untuk menyemak, merumus skor saringan serta mengesahkan peringkat awal kebarangkalian murid mengalami disleksia dan seterusnya disahkan oleh GB. Maka dengan eISD, proses semakan dan pengesahan oleh lebih daripada satu pihak dapat dilakukan pada bila-bila masa tanpa memerlukan GPD membawa ISD secara manual kepada pihak yang berikutnya. Ahmad Hanizar et al. (2002) turut memperakui bahawa internet dan web adalah contoh inovasi teknologi kerana ia mempunyai ciri-ciri unik yang menyokong pelbagai bentuk manipulasi maklumat dan mod komunikasi.

Sistem maklumat bermaksud satu kombinasi yang terdiri daripada manusia, perkakasan, perisian, rangkaian dan data. Ia bertanggungjawab mewujudkan, mengumpulkan, menukar dan mengagihkan maklumat dalam sesebuah organisasi (Syed, 2008). Syed turut menambah sistem maklumat sebagai kitaran proses mewujudkan atau memperolehi maklumat, mengumpulkan maklumat daripada pelbagai bentuk, memproses dan menukar maklumat yang diperolehi dan dikumpulkan ke dalam bentuk yang diinginkan dan seterusnya mengagihkan maklumat tersebut kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk diambil tindakan. Berasaskan pangkalan data setempat pada eISD, rekod pencalonan, penilaian senarai semak serta pengesahan akhir murid mengalami disleksia bagi semua sekolah yang terlibat dalam program PKD menerusi penggunaan eISD dapat dikumpulkan. Dengan ini, statistik keseluruhan dapat dilihat bersama oleh semua pihak yang bertanggungjawab dan mempunyai hak capaian secara langsung.

Kesimpulannya, kajian ini menyumbang terhadap perkara-perkara berikut:



- (i) Penghasilan sebuah sistem aplikasi berasaskan web yang boleh digunakan untuk menyaring pelajar yang berkemungkinan mengalami kebarangkalian disleksia.
- (ii) Penghasilan sebuah sistem yang menyediakan sumber maklumat dalam bahasa Melayu berhubung dengan disleksia.
- (iii) Penghasilan sebuah sistem aplikasi yang berjaya menjimatkan masa proses penyaringan, memudahkan proses penyaringan dan menyediakan pangkalan data setempat tentang pelajar disleksia.

1.8 Batasan Kajian



Pembangunan eISD diharap dapat menambahbaik proses pengoperasian penyaringan murid disleksia secara manual sebelum ini, namun kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa batasan dan kekangan yang telah dikenalpasti.

Penglibatan lebih daripada seorang pengguna dalam aplikasi berasaskan internet, eISD yang dibangunkan ini antara batasan dan cabaran utama yang perlu diperhalusi oleh penyelidik. Walaupun aliran pengoperasian telah ditetapkan dalam melakukan penyaringan oleh pihak JPK, namun tidak semua pengguna mematuhi turutan pengoperasian berikut. Ini menimbulkan pelbagai kebarangkalian yang perlu diambilkira dalam proses analisis pembangunan eISD. Bagi setiap operasi penyaringan disleksia, keseluruhannya, minimum lima individu bertanggungjawab terlibat sebelum murid disahkan mengalami disleksia dan setiap individu ini mempunyai peranan masing-masing. Cabaran yang paling besar dalam kajian ini



adalah ia melibatkan organisasi yang berbeza iaitu sekolah, hospital atau klinik dan juga persendirian selain memerlukan kerjasama yang aktif golongan profesional tersebut.

Proses membangunkan satu aplikasi berasaskan internet yang kompleks dan yang melibatkan pelbagai organisasi, memerlukan perancangan yang teliti dan jangka waktu yang sesuai dengan tahap kekompleksan sesebuah aplikasi yang dibina. Justeru disebabkan faktor kekangan masa yang singkat, kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu pada penglibatan GP, GPD dan GB di sekolah sahaja tanpa melibatkan Ibu Bapa dan Pengamal Perubatan. Pembangunan aplikasi yang melibatkan pihak yang tidak disenaraikan ini akan dijalankan untuk kajian lanjutan.

Peranan sekolah berhubung dengan kemudahan komputer dengan medium capaian internet di sekolah masih lagi terbatas. Walaupun faktor ini melibatkan pihak tertentu yang berperanan untuk menyediakan kemudahan tersebut, namun perkara ini penting dan perlu diambil kira oleh penyelidik bagi membolehkan kefungisian eISD berlangsung dengan baik. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, pihak sekolah sangat memberi sokongan dalam hal ini yang mana GPD sanggup menggunakan makmal-makmal yang mempunyai komputer dengan capaian internet. Namun begitu, isu kemudahan capaian internet di sekolah ini mungkin tidak akan menjadi satu kekangan dengan terlaksananya Projek SchoolNet yang melibatkan penyediaan capaian internet jalur lebar untuk 10,000 buah sekolah di seluruh Negara. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan infrastruktur komunikasi bagi melaksanakan program sekolah bestari di semua sekolah-sekolah di Malaysia melalui Program Pembestarian Sekolah.



Selain isu pemilikan komputer dan capaian di sekolah masih lagi kurang, tahap penggunaan dan penguasaan komputer di kalangan pengguna akhir eISD juga merupakan antara batasan kepada kajian yang dijalankan. Sistem pendidikan Negara kita kini melangkah ke arah konsep sistem pembelajaran maya menggantikan kaedah konvensional. Oleh itu, guru-guru dituntut untuk mempunyai kemahiran serta menguasai aplikasi komputer untuk diterapkan ke dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Cheah (2002) menyatakan bahawa, Sistem Pendidikan Malaysia akan mengalami perubahan yang mana keperluan penggunaan perisian komputer dalam pengajaran dan pembelajaran akan diberi penekanan. Kenyataan ini disokong oleh Periasamy (2004), iaitu guru mesti bersedia menerima perubahan paradigma ini dan mula berusaha menggunakan komputer dengan baik. Menurut Yusri (2004), masalah penggunaan komputer di sekolah masih berada pada tahap kritikal dan antara masalah yang dibangkitkan ialah kemahiran guru dalam mengendalikan komputer. Kemudahan infrastruktur sahaja tidak mencukupi, dan yang paling penting kesediaan individu yang terlibat untuk mengaplikasikannya dengan lebih berkesan.

1.9 Kerangka Konsep Kajian

Secara keseluruhannya kerangka konsep kajian ini dibina berdasarkan tiga domain yang saling berkait antara satu sama lain iaitu; a) Pengguna b) Spesifikasi c) Prototaip dengan bersandarkan kepada model dan teori yang diaplikasikan sepanjang pembangunan eISD. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konsep kajian yang dibina sebagai rujukan dalam pembangunan eISD.






Kelebihan Model *Rapid Prototyping* yang membenarkan sampel kajian yang terlibat iaitu GP, GPD dan GB mencuba sistem yang dibina dan mengenalpasti masalah di setiap fasa pembangunan merupakan intipati pemilihan model ini sebagai metodologi sepanjang pembangunan eISD. Ia sekaligus dapat menyediakan input yang berguna dalam menambahbaik sistem mengikut keperluan sebenar pengguna. eISD dibina dalam persekitaran *CMF* iaitu satu bentuk pembangunan sistem secara atas talian berasaskan rangka kerja. Kaedah *DSS* dengan *AHP Modelling* diaplikasikan dalam pembangunan eISD, khusus digunakan oleh GP semasa proses penyaringan murid disleksia dilaksanakan. Nilai skor bagi ketiga-tiga elemen senarai semak ditentukan berdasarkan julat skor berasaskan pengendalian *AHP Modelling*. Model *HCI* iaitu Model Interaksi Abowd dan Beale turut diaplikasikan dalam proses pembangunan eISD. Empat komponen dalam model tersebut iaitu *User, Input, System* dan *Output* menjadi panduan dalam mereka bentuk antara muka yang mesra pengguna dan efisien dalam melakukan proses penyaringan.

Kedua-dua atribut kepenggunaan yang dikaji iaitu kemudahan dan keberkesanan dinilai menerusi instrumen yang telah dipilih. Atribut-atribut ini menjadi faktor penentu dalam menilai kemudahan dan keberkesanan aplikasi eISD semasa proses penyaringan murid disleksia dilaksanakan oleh ketiga-tiga kategori pengguna iaitu GP, GPD dan GB seperti mana yang dapat dilihat pada Rajah 1.2 di bawah. Kajian ini menilai atribut kemudahan aplikasi eISD yang dibina dari aspek antara muka aplikasi dengan melihat kepada sejauh mana aplikasi secara atas talian ini memudahkan proses penyaringan dilaksanakan berbanding menggunakan instrumen ISD secara manual. Manakala atribut keberkesanan pula dinilai dengan melihat kepada sejauh mana ia berkesan mengurangkan tempoh masa



proses penyaringan murid disleksia. Kebolehsandaran atribut ini terhadap aplikasi eISD dalam proses penyaringan yang mana memerlukan penglibatan ketiga-tiga kategori pengguna sebelum dapat menentukan kebarangkalian murid mengalami disleksia atau pun tidak merupakan intipati kajian ini dijalankan. Perkaitan secara langsung atribut kemudahan adalah dengan pengaplikasian HCI menggunakan *Model Abowd* dan *Beale* bagi mereka bentuk antara muka dan navigasi keseluruhan sistem agar mesra pengguna. *AHP Modelling* digunakan dalam mereka bentuk aplikasi eISD terutamanya bagi Guru Penilai bagi meningkatkan keberkesanan sistem dalam melakukan proses penyaringan murid disleksia.



Rajah 1.2. Kerangka Konsep Kajian.

Kandungan dalam setiap domain mempengaruhi proses pembangunan sistem eISD. Semua aktiviti di dalamnya penting dalam memperolehi data untuk keperluan tujuan dan persoalan kajian. Ketiga-tiga domain ini memainkan peranan penting

dalam menghubungkan teori dan model yang bersesuaian dalam menghasilkan eISD yang berkesan, boleh diguna dan mesra pengguna.

(i) Pengguna

Pengguna menurut definisi Kotonya dan Sommerville (1998) merujuk kepada individu atau organisasi yang akan menerima kesan atau akibat daripada sistem, dan mereka yang mempunyai pengaruh secara langsung atau tidak langsung kepada keperluan sistem. Setiap pengguna mempunyai keperluan dan kehendak yang berbeza terhadap sistem yang dibangunkan dan sebuah sistem yang baik harus mempertimbangkan dari sudut keperluan pengguna yang pelbagai. Penjelasan berkenaan keperluan pengguna dikukuhkan lagi oleh pernyataan Zarina dan Ahmad Rizal (2008) iaitu analisis keperluan pengguna merupakan titik permulaan untuk suatu projek.

Minimum pengguna bagi sesebuah sekolah yang terlibat ialah tiga orang iaitu GPD, GP dan GB. Proses penyaringan murid disleksia memerlukan kerjasama antara individu yang terlibat. Justeru, elemen penting yang perlu ditekankan oleh penyelidik adalah aspek kawalan capaian (*access control*). Hanya individu terbabit sahaja yang dapat mengakses maklumat tertentu selain pengenalan pengguna (*user authentication*).



(ii) Spesifikasi

Spesifikasi merujuk kepada keperluan sistem dan dikelaskan kepada perkakasan dan perisian yang akan diaplikasikan dalam pembangunan eISD. Zulkarnain (2008) menjelaskan spesifikasi perkakasan dan perisian yang baik dan sesuai perlu diambilkira untuk menghasilkan aplikasi yang berkualiti dan memenuhi kehendak pengguna.

eISD dibina dalam persekitaran Adobe Dreamweaver CS3 dengan integrasi *Spry Framework 1.4* sebagai platform pembangunan aturcara. *Spry Framework 1.4* dikenali sebagai separa kerangka kerja aplikasi web (*Web Application Framework, WAF*) dengan pengaplikasian teknologi AJAX dan XML. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan ialah *Hypertext Preprocessor (PHP)* manakala *Apache HTTP Server Version 2* pula bertindak sebagai pelayan web (*web server*) dan MySQL sebagai pangkalan data.

(iii) Prototaip

Prototaip bagi kajian ini ialah eISD yang dibina berpandukan model *Rapid Prototyping*. Pengaplikasian Model *HCI* iaitu Model Abowd & Beale dan Model *AHP* untuk aplikasi *DSS* menjadikan eISD sebagai satu prototaip yang berkesan untuk proses penyaringan murid disleksia.





1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini akan dijelaskan sepertimana berikut.

1.10.1 eISD

ISD merujuk kepada Instrumen Senarai Semak Disleksia. ISD ialah sebuah buku yang telah dibangunkan oleh Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia. Menurut Rajmah (2003), ISD dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama pensyarah-pensyarah universiti dan maktab perguruan ilmu khas, doktor dan guru-guru berpengalaman dalam disleksia, bermula pada tahun 2001.

Tiga kategori utama yang terkandung dalam instrumen tersebut ialah (i) Kriteria Murid Yang Dinilai, (ii) Kriteria Penilai dan (iii) Prosedur Penilaian. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A(Biodata Murid), Bahagian B(Senarai Semak) dan Bahagian C(Pemarkahan). Elemen penting yang terkandung dalam Senarai Semak pada Bahagian B ialah Elemen 1 (mengeja, membaca & menulis), Elemen 2 (Kekuatan Pada Murid) dan Elemen 3 (Kelemahan Yang Ditunjukkan). Sebuah instrumen akan mewakili seorang murid yang akan disaring atau dinilai. Menurut Hammond dan Hughes (1990), kaedah senarai semak bertujuan untuk mendapatkan butiran kelemahan murid jika tahap pencapaian murid ketinggalan sebanyak dua tahun di belakang pencapaian rakan sebaya.





Perkembangan teknologi kini membolehkan komunikasi dan perkongsian data daripada pelbagai tempat dan pihak dijalankan menerusi sistem elektronik seperti internet dan rangkaian komputer. eISD yang dibangunkan merujuk kepada elektronik Instrumen Senarai Semak Disleksia. eISD adalah sebuah perisian aplikasi berasaskan internet dalam bahasa Melayu yang mempunyai beberapa fungsi bagi membantu guru dalam melakukan penyaringan terhadap murid yang berkemungkinan mengalami kebarangkalian disleksia. Di samping itu, ia juga menyediakan maklumat berhubung dengan disleksia.

1.10.2 Aplikasi



Aplikasi merupakan sekumpulan elemen yang saling berinteraksi dan saling berkait antara satu dengan yang lain dalam melaksanakan tindakan bagi mencapai tujuan tertentu. Sebagai contoh aplikasi komputer yang terdiri daripada *software*, *hardware*, dan *brainware*. Ketiga-tiga unsur tersebut saling berkaitan dan bertanggungjawab dalam memproses *input* (masukan) dan menghasilkan *output* (keluaran). Sesuatu perisian aplikasi mengandungi aktiviti pemprosesan arahan untuk melaksanakan permintaan pengguna. Ia terdiri daripada bahasa pengaturcaraan (*programming language*), program aplikasi (*application programme*), pakej aplikasi (*application package*) dan program utiliti (*utility programme*).





1.10.3 Penyaringan

Penyaringan melibatkan satu proses pemilihan atau penentuan bagi mendapatkan sesuatu keputusan. Ia kebiasaannya melibatkan satu proses yang berstruktur atau mempunyai hirarki yang tertentu dan berlandaskan kepada sesuatu ciri. Dalam konteks kajian yang dijalankan GP, GPD dan GB adalah individu-individu yang terlibat secara langsung dalam melakukan penyaringan terhadap murid yang dikenalpasti pada peringkat. Setiap tahap dalam operasi penyaringan akan dinilai oleh individu terlibat mengikut urutan dan prosedur pengoperasian sebagaimana yang telah ditetapkan.



1.10.4 Disleksia

World Federation of Neurology (1968) dalam Zahrah (2007) mendefinisi disleksia sebagai suatu kecelaruan pada kanak-kanak yang mana mereka gagal menguasai kemahiran bahasa seperti membaca, menulis dan mengeja yang selaras dengan kemampuan intelektual mereka.

Terdapat beberapa peringkat golongan disleksia iaitu ringan, sederhana dan teruk. Antara ciri-ciri disleksia daripada sumber laman web *International Dyslexia Association*, ialah menghadapi kesukaran dalam bahasa lisan sebagai contoh lambat dalam belajar bertutur, kesukaran dalam bacaan dan kesukaran dalam penulisan. Namun, di sebalik kelemahan tersebut, jika mendapat intervensi awal dan dilatih dengan cara yang betul, individu yang mengalami disleksia mempunyai kekuatan



dalam kemahiran berfikir iaitu memahami secara konsep dan penaakulan, mempunyai bakat pada bidang yang tidak bergantung pada pembacaan, contohnya seni visual, falsafah, penulisan kreatif dan kajian sosial.

1.10.5 Kemudahgunaan

Atribut kemudahgunaan dalam kajian ini menilai aplikasi eISD yang dibangunkan mudah digunakan oleh pengguna selain memberi manfaat dalam menjalankan proses menyaring murid disleksia. Atribut ini dinilai menerusi antara muka aplikasi yang dibangunkan sama ada ianya mudah digunakan semasa menjalankan proses penyaringan murid disleksia atau sebaliknya. Penilaian terhadap atribut kemudahgunaan ini dijalankan menggunakan kaedah temu bual berpandukan Skedul Temu Bual (STB) dan Senarai Semakan Kepenggunaan-Kemudahgunaan (SSK-MuG) yang dibangunkan oleh penyelidik. Hasil temu bual secara langsung melalui instrumen STB dan SSK-MuG adalah untuk melihat pandangan dan pendapat sampel kajian terhadap eISD yang dibangunkan. Hasil temu bual tersebut kemudian akan dianalisis dan ditranskripsi oleh penyelidik bagi memperolehi dapatan yang dapat menilai atribut kemudahgunaan aplikasi eISD yang dibina.

1.10.6 Keberkesanan

Dalam kajian ini, atribut ini menilai sejauh mana keberkesanan penggunaan aplikasi eISD yang dibangunkan secara atas talian berbanding penyaringan murid disleksia

secara manual. Penilaian terhadap atribut keberkesanan dijalankan menggunakan kaedah pemerhatian berpandukan jadual fasa proses pemerhatian dan instrumen *Paper Log: TCT* dan *Task List*. TCT merujuk kepada *Task Completion Time* yang mana ia merupakan kaedah pengukuran masa dengan menggunakan jam randik dan *paper log* untuk catatan yang dilaksanakan semasa pemerhatian. Keberkesanan aplikasi dinilai dengan melihat kepada perbandingan tempoh masa semasa proses penyaringan dilaksanakan serta pandangan pengguna ke atas keberkesanan aplikasi yang dibina. Setiap aktiviti pengguna semasa proses penyaringan direkodkan menerusi fasa proses pemerhatian bagi kedua-dua pelaksanaan penyaringan baik secara manual mahupun menggunakan aplikasi.

1.11 Kesimpulan

Arus perkembangan semasa menuntut kepada perubahan dari segenap aspek mahupun lapangan kehidupan umum termasuklah pengurusan yang melibatkan masalah pembelajaran. Kemajuan sains dan teknologi terutamanya perkembangan teknologi maklumat di Malaysia telah menjadi pendorong kepada pelbagai agensi kerajaan dan swasta menguruskan aktiviti-aktiviti dan data mereka secara sistematik menggunakan komputer (Noraidah, 2007).

Analisis awal dan pernyataan masalah sebagaimana yang diperincikan di Bahagian 1.2 dan Bahagian 1.3, menunjukkan wujudnya keperluan terhadap perisian aplikasi berasaskan internet dalam proses penyaringan pelajar disleksia. eISD iaitu sebuah perisian aplikasi instrumen saringan disleksia secara elektronik bagi membantu



guru dalam proses pengoperasian dan penyaringan disleksia. Kerangka konsep kajian menjadi rujukan dalam pelaksanaan keseluruhan eISD. Elemen-elemen dalam kerangka konsep yang dibina, dijadikan panduan oleh penyelidik dalam meneroka tinjauan literatur berkaitan kesemua komponen dalam kajian ini.

